



**PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Wanita sasaran sindiket Macau, African scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 13 November 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 6

# Wanita sasaran sindiket Macau, African scam

## Suspek takutkan mangsa sebelum arah masukkan wang

**Kuala Lumpur:** Sebahagian besar mangsa kes penipuan Macau scam dan African scam yang berlaku di negara ini membabitkan golongan wanita, kata Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh.

Beliau berkata, bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun ini saja, sebanyak 1,911 kes Macau scam direkodkan dan daripada jumlah itu, sebanyak 1,109 kes membabitkan mangsa wanita.

Katanya, bagi kes Afrika scam pula, sebanyak 1,070 daripada 1,303 kes yang dicatatkan pada tempoh sama, turut membabitkan golongan itu.

“Sindiket ini biasanya akan menghubungi wanita berkenaan dan memaklumkan perkara yang boleh menyebabkan ketakutan kepada mereka, seperti mendakwa

### Fakta nombor

**2,179**  
wanita

mangsa Macau, African Scam bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun ini

mangsa terbabit jenayah, ada tunggakan hutang atau saman tertunggak dan sebagainya.

“Sekiranya menerima panggilan seperti itu, kita menasihatkan mereka membuat semakan dengan agensi berkaitan, bagi mengesahkan kesahihan dakwaan dibuat.

“Jangan mudah percaya dan jangan terus mengikut arahan seperti memberikan nombor kad pengenalan atau butiran akaun bank,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis Jamman di lobi Parlimen, semalam.



Mohd Azis dan Yeoh pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

(Foto Syarafiq Abd Samad/BH)

Pada masa sama, Hannah turut mengingatkan orang ramai tidak sesekali menghantar atau memasukkan wang dalam akaun orang yang hanya dikenali secara dalam talian, untuk mengelak menjadi mangsa Afrika scam.

Sementara itu, Mohd Azis berkata, PDRM sudah membangunkan portal <http://ccid.rmp.gov>.

my/semakmule bagi memudahkan orang ramai membuat semakan keldai akaun.

Beliau berkata, jika sesuatu akaun bank disiasat polis, ia akan dipaparkan pada portal itu dan orang ramai dinasihatkan tidak membuat sebarang urusan pembayaran kepada akaun berkenaan. **BERNAMA**